

30/11/2003

PBB perlu wujud agensi pengutip cukai

Nuraina A Samad

ROME: Tun Dr Mahathir Mohamad mencadangkan penubuhan agensi pengutip cukai sebagai sebahagian daripada sistem Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi tujuan menyediakan kemudahan infrastruktur yang lebih baik di negara miskin.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, keutamaan perlu diberi kepada pembinaan infrastruktur bagi sektor pertanian di negara miskin.

"Jika pengalaman `hormati jiran anda' di Malaysia boleh dijadikan contoh, kita boleh mengandaikan bahawa dunia yang makmur akan menjadi pasaran baik bagi negara kaya.

"Cukai yang dibayar negara kaya patut dianggap sebagai pelaburan masa depan dan pelaburan ke arah dunia yang lebih stabil serta mengkayakan pasaran. Mereka akan mendapat lebih daripada apa yang dibayar," katanya ketika menyampaikan syarahan Peringatan McDougall pada pembukaan Persidangan Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) sesi ke-32 di sini, semalam.

Dr Mahathir ialah individu ke-23 menyampaikan syarahan berprestij itu yang secara tradisinya dilakukan pada majlis pembukaan persidangan.

Pada ucapan selama 25 minit itu, beliau mengemukakan cadangan bagi membantu negara miskin memperbaiki pencapaian menghadapi era globalisasi yang bergerak pantas dan orde dagangan dunia yang tidak pernah bersimpati dengan keadaan di negara sedemikian.

Dr Mahathir juga mahu PBB dan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) menyenaraikan cukai korporat sebagai agendanya, iaitu bayaran oleh syarikat kaya di negara tempat urus niaga dilakukan.

"Tiada salahnya mengenakan cukai ke atas negara kaya kerana ia sebenarnya akan menjadikan mereka lebih kaya, jadi cukai itu menguntungkan semua," katanya.

Dr Mahathir berkata, negara miskin memerlukan wang untuk membina infrastruktur lebih baik, terutama bagi sektor pertanian.

"Jika kita khuatir kemungkinan wang itu tidak diurus dengan baik seperti yang berlaku sebelum ini, kita perlu mencari kaedah dan mekanisme baru bagi memastikan matlamatnya tercapai. Apa yang penting ialah kemudahan mesti dibina," katanya.

Dalam dunia global maya, Dr Mahathir berkata, syarikat yang mengaut keuntungan paling banyak daripada dagangan dan perniagaan global mesti membayar cukai ke atas keuntungan mereka menerusi agensi global, selepas membayar dan menolak cukai di negara tempat mereka berurusan.

"Memang patut mereka berbuat demikian kerana negara di dunia dan penduduknya membolehkan syarikat itu mengaut keuntungan di merata pelosok dunia.

"Peniaga kecil-kecilan yang beroperasi dalam negara tidak mendapat faedah secara langsung daripada dagangan antarabangsa, jadi mereka tidak perlu membayar cukai dunia," katanya.

Dr Mahathir turut menyentuh peranan syarikat antarabangsa dalam membawa masuk pelaburan langsung asing (FDI) yang menyumbang ke arah peningkatan kemakmuran ekonomi di negara tempat mereka melabur.

Sambil mengakui kebenaran hakikat itu, beliau berkata keuntungan syarikat antarabangsa banyak disumbangkan oleh negara miskin menerusi upah rendah, pelepasan cukai, penyediaan modal dan pelbagai insentif lain.

Dengan menjadikan pengalaman Malaysia sejak 1960-an sebagai contoh, Dr Mahathir mengakui sumbangan FDI dalam menawarkan peluang pekerjaan kepada

rakyat.